

BAHASA MELAYU
KERTAS 1
2 ¼ jam

Dua jam lima belas minit



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH LIMBANG

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SETARA
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
OKTOBER 2020

BAHASA MELAYU 1103/1
KERTAS 1

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan anda sendiri. Sila bawa kertas jawapan yang mencukupi.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Free download. Not for sale

Bahagian A (30 markah)

(Masa dicadangkan : 45 minit)

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda **tentang kepentingan Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250** patah perkataan.

Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang



- **Menghargai pencapaian murid**
- **Motivasi kepada murid**
- **Menjadi kebanggaan ibu bapa**

BAHAGIAN B
(100 markah)

(Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit)

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang **panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Anda telah dilantik sebagai pengawas sekolah. Sebagai pengawas, bincangkan peranan anda untuk membantu pihak sekolah membentuk murid yang berdisiplin.
2. Sokongan dan dorongan perlu diberikan oleh keluarga terhadap anak-anak yang mempunyai bakat dan potensi dalam bidang tertentu seperti akademik, sukan dan kesenian. Huraikan pernyataan di atas.
3. Anda akan mewakili sekolah dalam pertandingan syarahan. Tajuk syarahan tersebut ialah 'Langkah-Langkah Mengekalkan Warisan Budaya Bangsa' Tulis syarahan itu selengkapnya.
4. Pemimpin-pemimpin negara di dunia perlu bekerjasama untuk menjamin keamanan dan kedaulatan sejagat. Huraikan bentuk-bentuk kerjasama tersebut .
5. Anda telah menonton sebuah drama televisyen yang diadaptasi daripada sebuah novel. Berdasarkan drama tersebut, jelaskan pengajaran-pengajaran yang dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan.

**BAHASA MELAYU
KERTAS 2**

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**



**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH LIMBANG**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SETARA
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
OKTOBER 2020**

**BAHASA MELAYU 1103/2
KERTAS 2**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Sastera Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis pada kertas jawapan anda sendiri. Pastikan anda membawa helaian kertas yang mencukupi.*

Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi

Not for sale. Free download

Soalan 1: Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **persediaan-persediaan asas menjadi usahawan berjaya dan kesannya**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Berdasarkan premis bahawa keusahawanan boleh dipelajari dan diamalkan untuk menempa kejayaan, maka terdapat beberapa keperluan asas yang harus dipupuk. Sememangnya idea perniagaan yang bernas menjadi titik permulaan tetapi hal ini tidak mencukupi untuk memastikan kejayaan yang berterusan. Penyelidikan yang diusahakan oleh *Target Training International* telah membuat kaji selidik terhadap 17 ribu usahawan yang berjaya. Beberapa dapatan hasil kaji selidik tersebut mendapati mereka yang telah berjaya menjadi usahawan terkemuka mempunyai personaliti seperti berkebolehan untuk memberikan keyakinan dan bertanggungjawab terhadap masyarakat. Selain itu, sifat kepimpinan yang berkesan dan kebolehan berkomunikasi yang baik. Keperluan utama yang dapat memastikan sesuatu kejayaan ialah seseorang usahawan tersebut perlu menetapkan jangkaan yang realistik. Keterujaan dan keyakinan amat diperlukan bagi merancang pelan perniagaan yang harus *berdasarkan realiti* yang terdapat dalam pasaran.

Seseorang usahawan juga perlu memberikan nilai tawaran yang jelas iaitu produk dan perkhidmatan yang ditawarkan harus mempunyai nilai yang sebenar. Jika tawaran nilai tidak jelas, berkemungkinan perniagaan itu menemui kegagalan. Selain itu, para usahawan perlu menawarkan produk yang unik kerana hal ini membezakan produk yang dihasilkan dengan pesaing-pesaing dalam perniagaan. Mereka yang telah berjaya biasanya juga mampu menyediakan produk atau perkhidmatan yang memberikan nilai yang terbaik kepada orang ramai. Malah para usahawan yang telah berjaya juga berani meneroka pasaran yang berskala besar. Contohnya seperti Dato' Aliff Syukri yang mengusahakan produk D'Herbs, yang perniagaannya semakin berkembang maju. Selain mengusahakan produk yang bersifat monopoli dan sukar diperoleh, usahawan juga perlu membentuk pelan perniagaan yang berdaya maju. Dengan adanya pelan perniagaan, usahawan dapat memasarkan produk dan perkhidmatannya dalam tempoh yang panjang kepada pelanggan yang disasarkan dengan belanjawan yang berpatutan. Pelanggan merupakan nyawa kepada sesebuah perniagaan. Usahawan yang bijak biasanya dapat menarik pelanggannya secara berkesan. Hal ini bergantung kepada keberkesanannya dari segi kos dan jumlah pelanggan yang berupaya

ditarik. Penggunaan media sosial untuk tujuan pengiklanan dan promosi, perbincangan tentang jenama, ulasan dan maklum balas tentang sesuatu produk merupakan cara yang berkesan.

Setiap individu berpeluang mengecap kejayaan sebagai seorang usahawan kerana ciri-ciri keusahawanan yang ada pada kebanyakan usahawan bukanlah dilahirkan secara semula jadi tetapi adalah disebabkan daya inisiatif yang tinggi serta keyakinan yang kuat terhadap kemampuan diri sendiri.

*Dipetik dan diubah suai daripada
'Keperluan Asas Menjadi Usahawan Berjaya'*

*Oleh Rahim Aziz,
Dewan Ekonomi, April 2016.*

Soalan 2: Pemahaman

Soalan 2 (a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *berdasarkan realiti* berdasarkan petikan.
[2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa hasil kaji selidik tentang personaliti usahawan terkemuka. Senaraikan hasil kaji selidik tersebut.
[3 markah]
- (iii) Di Malaysia, keusahawanan dalam bidang pertanian kurang mendapat tempat dalam kalangan usahawan muda.
Pada pendapat anda, bagaimanakah kerajaan menarik usahawan muda untuk menceburi bidang tersebut?
[2 markah]

ditarik. Penggunaan media sosial untuk tujuan pengiklanan dan promosi, perbincangan tentang jenama, ulasan dan maklum balas tentang sesuatu produk merupakan cara yang berkesan.

Setiap individu berpeluang mengecap kejayaan sebagai seorang usahawan kerana ciri-ciri keusahawanan yang ada pada kebanyakan usahawan bukanlah dilahirkan secara semula jadi tetapi adalah disebabkan daya inisiatif yang tinggi serta keyakinan yang kuat terhadap kemampuan diri sendiri.

*Dipetik dan diubah suai daripada
'Keperluan Asas Menjadi Usahawan Berjaya'*

*Oleh Rahim Aziz,
Dewan Ekonomi, April 2016.*

Soalan 2: Pemahaman

Soalan 2 (a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *berdasarkan realiti* berdasarkan petikan.
[2 markah]
- (ii) Pengarang menyatakan beberapa hasil kaji selidik tentang personaliti usahawan terkemuka. Senaraikan hasil kaji selidik tersebut.
[3 markah]
- (iii) Di Malaysia, keusahawanan dalam bidang pertanian kurang mendapat tempat dalam kalangan usahawan muda.
Pada pendapat anda, bagaimanakah kerajaan menarik usahawan muda untuk menceburi bidang tersebut?
[2 markah]

Free download @soalanpercubaanspm telegram channel

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sejak dahulu, dia sering mendengar pidato, "Tuan-tuan dan puan-puan, sebahagian besar bahan makanan rakyat kita ialah bahan makanan yang diimport, sedangkan kita ada ratusan ribu ekar tanah yang terbiar kosong dan tidak produktif. Mengapakah kita bergantung pada beras, ikan, daging, ayam dan sayur-sayuran import? Keadaan ini akan membahayakan kita kalau terjadi sesuatu bencana. Kerajaan mengutamakan bidang pengeluaran makanan kerana ini soal keselamatan negara."

Pemimpin tertinggi sendiri pernah berkata, "Rakyat mesti membuka mata dan melihat potensi yang ada dalam bidang pertanian. Saya menyeru kepada rakyat sekalian agar merebut peluang ini, terutama ribuan siswazah Melayu yang masih menganggur. Kerajaan menyediakan banyak peluang terutama kepada keistimewaan dalam Dasar Ekonomi Baru. Ada pelbagai bantuan dan skim pembiayaan untuk projek pertanian yang dikendalikan oleh sebuah bank khusus. Nah, semuanya ada di hadapan anda! Yang diperlukan sekarang ialah kesanggupan anda untuk bekerja kuat. Ingat slogan ini "Pertanian adalah Perniagaan".

Hakim telah mendengar dengan penuh minat Segala kata itu membakar semangatnya untuk memajukan tanah yang ditebusnya.

Dipetik daripada cerpen 'Kaduk, Ayam dan Raja'

oleh Zurinah Hassan

dalam antologi *Jaket Kulit Kijang*,

Kementerian Pendidikan Malaysia.

- (i) Mengapakah rakyat di negara ini akan berada dalam keadaan yang membahayakan sekiranya berlaku sesuatu bencana?

[2 markah]

- (ii) Sektor pertanian merupakan nadi terpenting dalam membangunkan ekonomi negara.

Berikan saranan anda tentang usaha-usaha yang oleh dilakukan oleh pelbagai pihak untuk merancakkan lagi industri pertanian di negara ini.

[3 markah]

- (iii) Huraikan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen dan **satu** persoalan lain daripada keseluruhan cerpen yang tidak terdapat dalam petikan.

[4 markah]

SOALAN 2 (c) - Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka titah baginda,” Mahukah akan Tuan Kanaka, saudara Bendahara Seri Wak Raja?”

Maka sembahnya,” Mohon patik, tuanku.”

Maka beberapa anak orang besar-besar ditanyakan oleh Sultan, tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja. Maka titah Sultan,” Mahukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu, anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja?”

Maka sembahnya, “ Daulat, tuanku.”

Adapaun akan Tun Kudu itu diperisteri Duli Yang Dipertuan, terlalu baik rupanya, tetapi matanya juling sedikit. Telah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja demikian, maka dengan sesaat itu juga *ditalak baginda*, dihantarkan ker rumah Paduka Raja, diberi belanja, disuruh berhadir akan kahwin dengan Seri Nara Diraja.

Maka kata segala anak buah Seri Nara Diraja, “ Bagaimana maka datuk hendak beristeri muda, kerana datuk sudah tua, dan bulu mata dengan bulu kening sudah bertemu?”

Dipetik daripada cerpen ‘ Burung Terbang Dipipiskan Lada’
dalam antologi Sejadah Rindu,
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *ditalak baginda*. (2 markah)
- (ii) Apakah yang dilakukan oleh Sultan apabila Seri Nara Diraja bersetuju untuk berkahwin dengan Tun Kudu? (3 markah)
- (iii) Sultan telah menceraikan isterinya, Tun Kudu untuk dikahwinkan dengan Seri Nara Diraja. Pada pendapat anda, wajarkah Sultan menceraikan isterinya semata-mata untuk menyelesaikan masalah para pembesarnya? (3 markah)

Soalan 2 (d) - Sajak

Baca sajak di bawa ini dengan telitinya, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sementara dia bergelar panglima
Laskar perang yang terus- menerus
Membajakan kezaliman- sering
Mengudup putik dendam
Kita masih perlu berterima kasih
Kepada jari-jemari takdir
Kerana membenarkan sepasang mata
Untuk berlari dengan tangan bergari
Sempat juga menadah sejambak puisi
Untuk sehari lagi sambil bertanya
Siapakah pahlawan yang asli?

Memang kita tidak sempat menjenguk
Keluar jendela sewaktu fajar menghembus
Ringkik kuda, gemerincing
Pedang pusaka
Dan darah yang tiba-tiba membuak
Di daerah angkara- perciknya
Menumbuhkan kelopak rahsia
Dalam keliru, tertanya-tanya kita
Tangan mana yang memenggal
Leher sang pendusta?

Andai namamu Tuah, kita masih
Tidak mahu
Menyangjungnya pendekar paling gagah
Kerana takhta setia terbina
Di istana wangsa
Bukanlah penjamin kukuhnya
Pasak saksama
Sesekali turut direntakan daki pendusta
Melekatlah selumbar sengsara
Di tiang maruah kota

Andai namamu Jebat, kita masih tidak
Menggelarnya sebagai pengkhianat
Kerana kita masih menangisi
Peta keadilan yang tersirat- nun, karam
Di lautan kesumat
Sedang warga memanggilnya keramat

Perang pun melecurkan lidah muslihat
Bercabang lalu bertemu bayu palsu
Bertiup dan memindahkan kebenaran pada tempatnya
Mewarnakan keindahan pada hodohnya

Menjungkitkan amarah pada damainya
Teramat lara kita menjahit semula
Perca-perca bahagia- seperti perawan
Yang dibungkamkan cinta pertama

Sehingga senja tiba,
Kita masih bertengkar
Tentang siapa
Pahlawan sebenarnya.

Tuah Sujana
Antologi Sejadah Rindu
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berikan maksud ungkapan *membajakan kezaliman* dalam Rangkap 1? [2 markah]
- (ii) Pemimpin yang berwibawa amat penting untuk mentadbir negara.
Pada pendapat anda, mengapakah pemimpin yang berwibawa perlu dipilih untuk mentadbir sesebuah negara? [3 markah]
- (iii) Jelaskan dua nilai yang terdapat dalam sajak diatas. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa
[30 markah]

Jawab semua soalan

- a) Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) bela - bela
- (ii) rendang - rendang
- (iii) perang - perang

(6markah)

- b) Cerakinkan setiap ayat majmuk di bawah ini kepada dua ayat tunggal.

- (i) Kumpulan penjenayah itu dipercayai terlibat dalam kes ragut dan pecah rumah di beberapa daerah di sekitar Kota Kinabalu.
- (ii) Universiti Malaysia Sabah merupakan pusat pengajian tinggi yang telah banyak melahirkan tokoh berwibawa di negeri Sabah.
- (iii) Kehadiran pengemis menimbulkan kesan negatif kepada negara kerana boleh menjejaskan sektor pelancongan.

(6 markah)

- c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kami terpaksa menungkah arus sungai yang deras untuk menuju ke kawasan pendalaman itu.
- (ii) Ombak laut yang semakin mengila telah menyukarkan kami untuk merialisasikan cita-cita sebagai rakyat pertama negara menyeberangi selat tersebut.
- (iii) Saya amat sukar untuk memahami kata-kata yang diujarkan kerana beliau membicara dengan menggunakan dailek Pantai Timur.

(6 markah)

d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Pada zaman yang semakin pantas dan maju ini, remaja harus bersikap lebih propasif bagi mempersiapkan diri untuk menghadapi pelbagai cabaran.
- (ii) Beberapa pertubuhan-pertubuhan alam sekitar memuji sikap Malaysia dan negara serantau yang prihatin serta berusaha dengan sedaya upaya untuk mencegah isu alam sekitar di Asia Tenggara.
- (iii) Dorongan dan galakan merupakan suatu bentuk aktiviti yang berkesan untuk melatih anak-anak melakukan tugas yang mudah sebelum menyuruh dia melakukan tugas yang lebih rumit.

(6 markah)

(e) Nyatakan peribahasa yang sama maksud dengan peribahasa berikut.

- (i) Bapa borek anak rintik
- (ii) Genggam bara api biar sampai jadi arang.
- (iii) Masuk ke telinga kanan, keluar ke telinga kiri.

(6 markah)

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan dibawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhani Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- a. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua teknik penceritaan** yang terdapat dalam sebuah novel yang anda pelajari.
(7 markah)
- b. Konflik yang diketengahkan oleh penulis dalam novel merupakan elemen penting untuk menarik pembaca menghayati sesebuah novel.

Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, huraikan **satu** konflik yang dialami oleh watak utama dan cara watak itu menyelesaikan konflik tersebut.

(8 markah)

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan dibawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Leftenan Adan Wira Bangsa karya Abdul Latif Talib
- (ii) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor
- (iii) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhani Matdarin
- (iv) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (v) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (vi) Tirani karya Beb Sabariah
- (vii) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) Silir Daksina karya Nizar Parman

- a. Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua teknik penceritaan** yang terdapat dalam sebuah novel yang anda pelajari.

(7 markah)

- b. Konflik yang diketengahkan oleh penulis dalam novel merupakan elemen penting untuk menarik pembaca menghayati sesebuah novel.

Berdasarkan **dua** buah novel yang telah anda pelajari, huraikan **satu** konflik yang dialami oleh watak utama dan cara watak itu menyelesaikan konflik tersebut.

(8 markah)

Free download @soalanpercubaanspm telegram channel